

## Kempen Pemerolehan

### **TEMPOH KEMPEN**

“Kempen Pemerolehan” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada **17 Disember 2018** pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **31 Januari 2019** pada 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA DAN SYARAT**

**Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut:-**

### **KELAYAKAN KEMPEN**

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad Kredit HLB Utama dan Tambahan Baharu-kepada-Kad (“Pemegang Kad NTC”) yang, semasa Tempoh Kempen, telah memohon Kad-kad Layak seperti yang tertera dalam jadual yang dilampirkan di bawah (sama ada Pilihan 1 atau Pilihan 2) dan Kad-kad Layak itu berjaya diluluskan selewat-lewatnya pada 28hb Februari 2019 (“Pemegang Kad Layak”).

Pilihan 1	Pilihan 2
Mana-mana 1 Kad Kredit Utama Hong Leong Visa atau MasterCard	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mana-mana 2 Kad Kredit Utama Hong Leong Visa dan/atau MasterCard ATAU</li><li>• Mana-mana 1 Kad Kredit Utama Hong Leong Visa dan/atau MasterCard + 1 Kad Kredit Tambahan Hong Leong Visa dan/atau MasterCard (Kad Kredit Utama dan Tambahan mestilah jenis kad yang sama)</li></ul>

Kad Layak	
Visa	Mastercard
GSC Gold/Platinum	GSC Gold/Platinum
Essential	
AirAsia Gold/Platinum	

Bagi mengelakkan keraguan, bagi “Pilihan 2”, kedua-dua Kad Layak yang dipohon mestilah diluluskan supaya Pemegang Kad NTC layak menyertai Kempen ini.

**Perhatian:** Pemegang Kad NTC ialah pemegang kad baharu yang tidak memegang mana-mana Kad Kredit Utama dan Tambahan HLB sedia ada (termasuk MACH) sebelum Tempoh Kempen dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2 di bawah.

2. Golongan berikut ini tidak dianggap sebagai Pemegang Kad NTC dan **TIDAK** layak menyertai Kempen:
  - (a) Pemegang kad utama atau tambahan sedia ada bagi mana-mana Kad Kredit HLB;
  - (b) Pemegang kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;

- (c) Pemegang kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk Kad-kad Layak) sebagai pemegang kad kredit utama atau tambahan dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut; dan
- (d) Pemegang kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad NTC hendaklah memberi maklumat diri mereka yang terkini dan tepat (termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menjurat dan maklumat hubungan) kepada HLB bagi permohonan Kad Layak dan pada dasarnya Pemegang Kad NTC berkewajipan memberitahu HLB sekiranya tidak menerima Kad-kad Layak yang diluluskan dalam masa 60 hari dari tarikh permohonan, jika gagal berbuat demikian Pemegang Kad NTC dianggap telah menerima Kad-kad Layak itu dan HLB tidaklah bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad NTC tidak dapat menyertai Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun.

#### **KAEDAH KEMPEN**

3. Pemegang Kad Layak bagi Kempen ini akan berhak menikmati tawaran-tawaran berikut dengan syarat memenuhi kriteria yang telah ditetapkan:

(a) **Pengecualian Fi Tahunan**

Pemegang Kad Layak yang, dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak, telah melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Perbelanjaan Runcit ("seperti ditakrif dalam Fasal 4 di bawah") bagi setiap Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini akan berhak mendapat Pengecualian Fi Tahunan tahun pertama bagi setiap Kad Layak. Bagi mengelakkan keraguan, bagi Kad-kad Layak seperti tertera dalam Pilihan 2, Pemegang Kad Layak mestilah melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Perbelanjaan Runcit bagi kedua-dua kad dalam masa 45 hari dari tarikh kelulusan Kad-kad Layak supaya dapat menikmati Pengecualian Fi Tahunan tahun pertama.

(b) **Pulangan Tunai bagi Pilihan 1 dan Pilihan 2 ("Pulangan Tunai")**

- i. Pemegang Kad Layak mestilah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul berjumlah minimum RM500 dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan Kad Layak supaya dapat menikmati Pulangan Tunai Pilihan 1 atau Pilihan 2:

Pulangan Tunai Pilihan 1	Pulangan Tunai Pilihan 2
Pemegang Kad Layak mestilah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul minimum RM500 dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan Kad Layak untuk menikmati Pulangan Tunai RM100. (Kad Layak mestilah diluluskan di bawah Kempen ini)	Pemegang Kad Layak mestilah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul minimum RM500 dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan Kad Layak untuk menikmati Pulangan Tunai RM225. (Kad Layak mestilah diluluskan di bawah Kempen ini)

- ii. Pulangan Tunai dihadkan setakat RM100 bagi Pilihan 1 dan RM225 bagi Pilihan 2 untuk setiap Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini dihadkan setakat RM500,000 atas dasar siapa cepat dia dapat.

- iii. Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat seperti yang disebut dalam Fasal 3(b)(i) di atas, Pulangan Tunai itu akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak utama dalam masa empat (4) bulan dari tarikh kelulusan Kad Layak. Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB melalui penyiaran senarai Pemegang Kad Layak dalam Laman Web HLB di [www.hlb.com.my/acqdec](http://www.hlb.com.my/acqdec) ("Laman Web HLB") setiap bulan, bermula dari Mac 2019 ("Pemberitahuan").
- iv. Sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, maka Pemegang Kad Layak hendaklah memberitahu HLB dalam masa lima (5) bulan dari tarikh kelulusan Kad Layak. Jika gagal berbuat demikian, Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai itu dan sebarang rayuan untuk bayaran ganti Pulangan Tunai tersebut tidak akan dilayani.
- v. HLB tidak berkewajipan memberitahu Pemegang Kad Layak jika Pulangan Tunai telah mencapai peruntukan maksimum RM500,000 semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

Pengecualian Fi Tahunan dan Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang yang lain.

## **UMUM**

- 4. "Perbelanjaan Runcit" adalah berdasarkan kriteria berikut:
  - (a) Hendaklah **termasuk** pembelian runcit dan pembelian dalam talian, arahan tetap dan Pelan Bayaran Ansuran (IPP) yang diurusniaga dalam negara dan luar negara.
  - (b) Hendaklah **tidak termasuk** pengeluaran tunai melalui apa-apa cara (iaitu ATM, kaunter, kuasi tunai, dll.);
  - (c) Hendaklah **tidak termasuk** produk portfolio seperti Pindahan Baki (BT), Call-For-Cash Plus (CFC Plus), Call-For-Cash (CFC) dan Pelan Bayaran Fleksi (PPP);
  - (d) Hendaklah **tidak termasuk** transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
  - (e) Hendaklah **tidak termasuk** apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti misalnya fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.
- 5. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad NTC:
  - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak dalam Laman Web HLB;
  - (b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakamkan oleh sistem HLB menurut Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
  - (c) bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
  - (d) bersetuju bahawa apa-apa pembalikan transaksi dikecualikan;
  - (e) bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang yang lain;
  - (f) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat Kempen ini dan menghubungi HLB jika mereka telah disenaraikan untuk berhak menerima Pulangan Tunai;

- (g) Keizinan bagi HLB mendedahkan nama, nombor kad kredit (dalam bentuk terlindung) dan/atau foto mereka dalam Laman Web HLB.

6. HLB berhak:

- (a) menolak atas budi bicara mutlaknya mana-mana permohonan Kad Layak yang dikemukakan tanpa menyatakan sebarang sebabnya;
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad NTC, atas budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Kempen ini;
  - (c) tidak menerima kelayakan mana-mana Pemegang Kad NTC untuk menyertai Kempen atas apa jua sebab sekalipun, yang dianggap wajar oleh HLB atas budi bicara mutlaknya. Khususnya, HLB mempunyai hak mutlak untuk tidak menerima kelayakan Pemegang Kad NTC yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit menurut pengertian Terma & Syarat ini, dengan cara atau corak yang pada anggapan HLB adalah di luar kebiasaan, di luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk memperoleh kelebihan tak adil berbanding Pemegang Kad NTC yang lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad yang lain;
  - (d) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan dan Pulangan Tunai dalam keadaan apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatkan Kad-kad Layak dan/atau Kad-kad HLB semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan Pulangan Tunai atau tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
  - (e) meminda jumlah Pengecualian Fi Tahunan dan Pulangan Tunai atau menggantikan Pengecualian Fi Tahunan dan Pulangan Tunai di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad NTC; dan
  - (f) menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menamatkan Kempen ini, atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad NTC tentang penambahan, pengguguran atau pemindaan Terma & Syarat atau penamatkan Kempen ini.
7. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad-kad Layak dan/atau transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak sehingga boleh menyebabkan Pemegang Kad NTC tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
8. Akaun Pemegang Kad NTC mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma & Syarat Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit pada masa pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan Pulangan Tunai. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak dengan kiraan transaksi paling aktif sebagai akaun pemenuhan utama sekiranya Pemegang Kad Layak itu mempunyai lebih daripada satu (1) akaun Kad Kredit Utama.

9. Selain terma-terma yang ditetapkan di atas, Pemegang Kad NTC bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma & Syarat di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
10. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad sebagaimana dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
11. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.